

## **POLISI KONFLIK KEPENTINGAN KEWANGAN BAGI PROJEK PENYELIDIKAN UNIVERSITI MALAYA YANG DITAJA OLEH INSTITUT KEBANGSAAN KESIHATAN AMERIKA SYARIKAT (U.S NIH)**

### **1.0 PENGENALAN**

Polisi ini bertujuan untuk melindungi kredibiliti dan integriti kakitangan akademik dan bukan akademik di Universiti Malaya (UM) supaya orang awam yakin dan percaya dengan aktiviti penyelidikan yang dibiaya dan ditaja oleh Institut Kebangsaan Kesihatan Amerika Syarikat (U.S NIH).

Polisi ini terpakai kepada para penyelidik di UM yang terlibat dalam semua projek penyelidikan yang ditaja oleh U.S NIH. Pegawai Institusi bertanggungjawab untuk memastikan pelaksanaan dasar ini dan boleh menangguh kesemua aktiviti penyelidikan yang berkaitan sehingga konflik kepentingan kewangan diselesaikan atau tindakan sewajarnya yang difikirkan sesuai oleh Pegawai Institusi dilaksanakan. Pelanggaran mana-mana bahagian dalam polisi ini juga boleh menyebabkan tindakan tatatertib atau tindakan pengurusan diambil selaras dengan polisi yang tersedia pakai di UM.

### **2.0 TAKRIFAN**

#### ***2.1 Uji Kaji Klinikal***

*Uji Kaji Klinikal* bermaksud mana-mana kajian penyelidikan yang ditaja oleh U.S NIH melibatkan interaksi antara subjek manusia dengan tujuan kajian lain seperti penggunaan ubat, penggunaan bahan-bahan biologiikal, penggunaan peranti atau prosedur perubatan, seperti pembedahan.

#### ***2.2 Keluarga***

*Keluarga* bermaksud mana-mana ahli keluarga terdekat Penyelidik, khususnya anak dan pasangan di bawah tanggungan Penyelidik.

#### ***2.3 Pegawai Institusi***

*Pegawai institusi* bermaksud individu atau jawatankuasa dalam kalangan kakitangan UM yang bertanggungjawab untuk meminta dan menyemak dokumen kepentingan kewangan yang signifikan (SFI) termasuk sekiranya terdapat konflik kepentingan wujud dengan keluarga penyelidik yang juga berkait dengan peranan institusi Penyelidik. Dalam melaksanakan polisi ini, Pegawai Institusi haruslah terdiri daripada ahli jawatankuasa yang dilantik oleh UM seperti yang ditetapkan dalam senarai semak polisi ini.

## **2.4 Peranan Institusi**

*Peranan institusi* bermaksud tanggungjawab profesional Penyelidik yang berkait dengan pelantikan atau jawatan di UM, seperti melakukan aktiviti penyelidikan, pengajaran, klinikal, pengurusan, serta perkhidmatan mereka dalam jawatankuasa profesional sama ada di dalam atau luar UM.

## **2.5 Penyelidik**

*Penyelidik* bermaksud Ketua Penyelidik atau Pengarah Projek dan mana-mana individu yang bertanggungjawab dalam mereka bentuk, mengendali, atau menyediakan laporan bagi projek penyelidikan yang ditaja oleh U.S NIH. Takrifan ini tidak terhad kepada mereka yang bertanggungjawab sebagai Ketua Penyelidik atau Penyelidik Bersama yang disebut dalam kertas cadangan penyelidikan projek, ianya juga termasuk pasca kedoktoral, saintis kanan atau pelajar siswazah. Takrifan ini juga termasuk rakan kolaborator atau rakan perunding mana-mana yang berkenaan.

## **2.6 Penyelidikan**

*Penyelidikan* bermaksud kajian atau eksperimen yang sistematik dan direka untuk menyumbang secara amnya kepada pengetahuan kesihatan awam secara meluas, termasuk penyelidikan berkenaan tingkah laku dan sains sosial. Istilah ini merangkumi kajian penyelidikan asas dan aplikasi (cth, artikel yang diterbitkan, buku atau bab buku) dan pembangunan produk (cth, ujian diagnostik atau ubat).

## **2.7 Kakitangan Kanan/ Utama**

*Kakitangan Kanan/ Utama* bermaksud Ketua Penyelidik dan/atau individu lain yang dikenal pasti oleh UM sebagai kakitangan kanan atau utama dalam permohonan geran, anugerah, atau kontrak atau dalam mana-mana laporan kemajuan, atau dalam mana-mana laporan lain yang dikemukakan kepada Pemberi Dana.

## **2.8 Pemberi Dana**

*Pemberi Dana* bermaksud individu atau organisasi yang membiayai sebahagian atau kesemua kos projek penyelidikan dalam bentuk geran.

## **2.9 Kepentingan Kewangan**

*Kepentingan Kewangan* bermaksud apa-apa yang nilai kewangan yang diterima atau dipegang oleh Penyelidik atau keluarga Penyelidik, sama ada nilainya mudah dipastikan atau tidak, termasuk, tetapi tidak terhad kepada: gaji atau bayaran lain untuk perkhidmatan (cth, yuran perundingan, honoraria, atau penulisan berbayar untuk selain daripada karya ilmiah); sebarang kepentingan ekuiti (cth, saham, opsyen saham, atau kepentingan pemilikan lain); serta hak dan kepentingan harta intelek (cth, paten, tanda dagangan, tanda perkhidmatan dan hak cipta), setelah

menerima royalti atau pendapatan lain yang berkaitan dengan hak dan kepentingan harta intelek tersebut.

Semua penyelidik UM wajib mematuhi Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 dan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 2002 - Pemilikan dan Perisytiharan Harta oleh Pegawai Awam untuk mengisytiharkan semua aset dalam sistem *Human Resource Management Information* atau mana-mana sistem yang diperakui oleh UM atau pihak berkuasa.

Tambahan lagi, penyelidik perlu mengisytiharkan kesemua kepentingan kewangan (hanya di luar Amerika Syarikat), termasuk pendapatan daripada seminar, kuliah atau penglibatan pengajaran, pendapatan daripada perkhidmatan dalam jawatankuasa penasihat atau sebagai panel penilai, dan pembayaran balik atau perjalanan yang ditaja oleh mana-mana entiti asing, termasuk institusi pengajian tinggi atau kerajaan asing, yang merangkumi kerajaan tempatan, wilayah atau kerajaan yang setara dengan negara lain apabila pendapatan tersebut memenuhi syarat perlu diisytiharkan.

*Kepentingan Kewangan TIDAK* termasuk:

- a) gaji, royalti, atau imbuhan lain daripada UM;
- b) pendapatan daripada karya akademik atau ilmiah;
- c) pendapatan daripada seminar, kuliah, atau penglibatan pengajaran yang ditaja atau daripada jawatankuasa penasihat atau sebagai panel penilai untuk agensi kerajaan persekutuan, negeri atau tempatan Amerika Syarikat (AS); institusi pengajian tinggi di AS; institut penyelidikan yang bergabung dengan institusi pengajian tinggi AS, hospital pengajaran akademik, dan pusat perubatan; atau
- d) kepentingan ekuiti atau pendapatan daripada kenderaan pelaburan, seperti dana bersama dan akaun persaraan, selagi Penyelidik tidak mengawal secara langsung keputusan pelaburan yang dibuat dengan kenderaan tersebut.

Bagi Penyelidik, kepentingan kewangan ini juga termasuk sebarang perjalanan yang dibayar balik atau ditaja yang berkaitan dengan peranan institusi mereka. Ini termasuk perjalanan yang dibayar bagi pihak Penyelidik serta perjalanan yang dibayar balik, walaupun nilai kewangan tersebut tidak tersedia. Ini tidak termasuk perjalanan yang dibayar balik atau ditaja oleh agensi kerajaan persekutuan, negeri atau tempatan AS, institusi pengajian tinggi AS, institut penyelidikan yang bergabung dengan institusi pengajian tinggi AS, hospital pengajaran akademik, dan pusat perubatan.

### **2.10 Kepentingan Kewangan yang Signifikan (SFI)**

*Kepentingan Kewangan yang Signifikan* bermaksud kepentingan kewangan yang secara munasabah berkait dengan peranan institusi Penyelidik, dan:

- a) Sekiranya dengan entiti dagangan awam, nilai agregat mana-mana gaji atau bayaran lain untuk perkhidmatan yang diterima dalam tempoh 12 bulan sebelum perisytiharan, dan nilai mana-mana kepentingan ekuiti dalam tempoh 12 bulan sebelum atau pada tarikh perisytiharan, yang melebihi \$5,000; atau

- b) Sekiranya dengan entiti bukan dagangan awam, nilai agregat mana-mana gaji atau bayaran lain untuk perkhidmatan yang diterima dalam tempoh 12 bulan sebelum perisytiharan melebihi atau bersamaan dengan \$5,000; atau
- c) Sekiranya dengan syarikat bukan dagangan awam, adalah kepentingan ekuiti pada sebarang nilai dalam tempoh 12 bulan sebelum atau pada tarikh perisytiharan; atau
- d) Pendapatan melebihi atau bersamaan dengan \$5,000 secara kumulatif berkaitan dengan hak dan kepentingan harta intelek, hasil daripada projek yang ditaja, tidak dibayar balik melalui institusi, atau
- e) Dibayar balik atau perjalanan ditaja yang melebihi \$5,000 berkait rapat dengan peranan institusi Penyelidik.

### **2.11 Konflik Kepentingan Kewangan**

*Konflik Kepentingan Kewangan* bermaksud kepentingan kewangan yang signifikan (atau, di mana Pegawai Institusi memerlukan perisytiharan berkenaan kepentingan kewangan yang lain, selain kepentingan kewangan sedia ada) yang mana UM menentukan boleh menjejaskan secara langsung dan signifikan kepada reka bentuk, pengendalian atau pelaporan projek penyelidikan tajaan U.S NIH.

Istilah "Kepentingan Kewangan yang Signifikan" TIDAK termasuk kepentingan kewangan berikut:

- a) Gaji, royalti, insentif, atau bayaran lain yang dibuat oleh UM kepada Penyelidik yang dilantik oleh UM yang sedang bekerja atau sebaliknya;
- b) Bayaran atau kelayakan bayaran daripada UM yang diperolehi daripada royalti dan yuran yang dibayar kepada UM oleh pihak ketiga untuk harta intelek oleh Penyelidik atau Inovator kepada UM;
- c) Pendapatan daripada seminar, kuliah, penglibatan pengajaran atau perkhidmatan dalam jawatankuasa penasihat atau sebagai panel penilai yang ditaja oleh persekutuan, negeri atau agensi kerajaan tempatan AS, institusi pengajian tinggi AS, atau institut penyelidikan, pusat akademik perubatan atau hospital yang bergabung dengan institusi pengajian tinggi AS;
- d) Pendapatan daripada kenderaan pelaburan, seperti dana bersama dan dana persaraan, di mana Penyelidik tidak mengawal secara langsung keputusan pelaburan tersebut.

## **3.0 KONFLIK KEPENTINGAN**

Polisi ini adalah berdasarkan jangkaan bahawa Penyelidik perlu menjalankan kepentingan mereka untuk mengelakkan atau meminimumkan konflik kepentingan, dan mesti bertindak balas sewajarnya apabila terdapat konflik kepentingan yang timbul. Sehubungan dengan itu, polisi ini memaklumkan kepada Penyelidik tentang situasi yang akan menyebabkan konflik kepentingan berkaitan penyelidikan, mekanisme untuk Penyelidik dan UM untuk menguruskan konflik kepentingan yang timbul, dan menerangkan situasi yang dilarang. Setiap Penyelidik mempunyai kewajipan untuk membiasakan diri dan mematuhi peruntukan yang dinyatakan dalam polisi ini.

Sekiranya terdapat situasi yang menimbulkan konflik kepentingan, Penyelidik hendaklah berbincang situasi tersebut dengan Pegawai Institusi.

### **3.1 Perisytiharan Kepentingan Kewangan**

Semua Penyelidik dikehendaki untuk mengisytiharkan kepentingan kewangan mereka seperti yang dinyatakan di atas kepada UM secara tahunan dan secara segera (*ad hoc*), seperti yang diterangkan di bawah, menggunakan Borang Perisytiharan Kepentingan Kewangan.

#### **a) Perisytiharan Tahunan**

Penyelidik perlu mengisytiharkan Kepentingan Kewangan yang Signifikan yang berkaitan dengan peranan institusi mereka kepada UM, melalui Pegawai Institusi, setiap tahun. Borang dan dokumen berkaitan hendaklah diserahkan kepada Pegawai Institusi atau bagi pihak Pegawai Institusi selewat-lewatnya pada 1 Mac pada tahun sebelumnya atau seperti yang ditentukan oleh pihak berkuasa.

#### **b) Perisytiharan Segera (*Ad hoc*)**

Di samping itu, terdapat situasi tertentu memerlukan perisytiharan segera. Penyelidik perlu mengisytiharkan Kepentingan Kewangan yang signifikan kepada institusi mereka, melalui Pegawai Institusi, dalam tempoh 30 hari dari tempoh pelantikan atau penggajian mereka.

Sebelum terlibat dengan projek tajaan atau memohon projek untuk ditaja, yang mana Penyelidik mempunyai Kepentingan Kewangan yang Signifikan, Penyelidik perlu mengesahkan nilai mata wang pada perisytiharan tahunan Kepentingan Kewangan yang Signifikan mereka dengan entiti luar atau menyerahkan kepada Pegawai Institusi perisytiharan terkini. Institusi tidak akan menghantar kertas cadangan penyelidikan selagi Penyelidik kemukakan perisytiharan tersebut.

Di samping itu, Penyelidik perlu mengisytiharkan sebarang Kepentingan Kewangan yang Signifikan yang diperoleh atau ditemui sepanjang tahun dalam tempoh 30 hari selepas menemui atau memperoleh Kepentingan Kewangan yang Signifikan tersebut secara segera kepada Pegawai Institusi.

#### **c) Perjalanan**

Penyelidik juga perlu mengisytiharkan perjalanan yang dibayar balik atau ditaja berkaitan dengan peranan institusi mereka, seperti yang ditakrifkan di atas dalam takrifan Kepentingan Kewangan dan Kepentingan Kewangan yang Signifikan. Pendedahan sedemikian mesti termasuk, sekurang-kurangnya, tujuan perjalanan, identiti

penaja/penganjur, destinasi, tempoh, dan, jika diketahui, nilai kewangan. Pegawai Institusi akan menentukan sama ada maklumat tambahan diperlukan (cth, nilai monetari jika belum diisytiharkan) untuk menentukan sama ada perjalanan tersebut merupakan konflik kepentingan kewangan terhadap projek penyelidikan.

Pegawai Institusi bertanggungjawab untuk mengedarkan, menerima, memproses, menyemak dan menyimpan borang perisytiharan.

### ***3.2 Semakan dan Keputusan Pegawai Institusi***

Sekiranya terdapat konflik kepentingan kewangan yang diisytiharkan dalam Borang Kepentingan Kewangan yang Signifikan, ia akan disemak dengan segera oleh Pegawai Institusi atau bagi pihak Pegawai Institusi untuk menentukan sama ada ianya merupakan konflik kepentingan kewangan. Jika konflik kepentingan kewangan disahkan wujud, Pegawai Institusi akan mengambil tindakan untuk menguruskan konflik kepentingan kewangan tersebut termasuklah pengurangan atau penghapusan konflik, mengikut kesesuaian.

Konflik kepentingan kewangan akan wujud apabila Pegawai Institusi atau bagi pihak Pegawai Institusi menentukan bahawa Kepentingan Kewangan yang Signifikan boleh secara langsung dan signifikan mempengaruhi reka bentuk, pengendalian atau pelaporan projek penyelidikan tajaan U.S NIH. Sekiranya Pegawai Institusi menentukan bahawa konflik kepentingan kewangan tersebut boleh diuruskan, beliau perlu merangka dan melaksanakan pelan pengurusan secara bertulis. Penyelidik yang terlibat perlu bersetuju dan menandatangani secara rasmi pelan pengurusan yang dicadangkan secara bertulis sebelum sebarang aktiviti penyelidikan bagi projek tajaan U.S NIH yang berkaitan diteruskan.

Pegawai Institusi akan menyemak dan memantau secara berkala aktiviti dan pengendalian yang dijalankan (termasuk penggunaan pelajar dan pelantikan pasca doktoral), untuk memastikan hasil penyelidikan disebarkan secara terbuka dan tepat pada masanya, dan juga memantau perjalanan projek penyelidikan adalah mematuhi pelan pengurusan.

### ***3.3 Semakan Kepentingan Kewangan yang Signifikan Berkaitan Uji Kaji Klinikal***

Aktiviti penyelidikan yang melibatkan subjek manusia, rekod perubatan dan tisu mereka (untuk tisu, hanya jika identiti peribadi subjek diperlukan) memerlukan pelepasan oleh Jawatankuasa Etika Klinikal UM.

Uji kaji klinikal terutamanya yang melibatkan isu sensitif sekiranya Penyelidik mempunyai kepentingan kewangan yang berkaitan dengan percubaan uji kaji klinikal tersebut.

Sekiranya berlaku ketidakpatuhan terhadap perisytiharan dan/atau pengurusan konflik kepentingan kewangan yang melibatkan projek penyelidikan klinikal tajaan U.S NIH yang tujuannya adalah untuk

menilai keselamatan atau keberkesanan ubat, peranti perubatan atau rawatan seperti yang dikehendaki oleh Polisi ini, Penyelidik perlu mengisytiharkan konflik kepentingan kewangan dalam setiap pembentangan hasil penyelidikan projek tajaan PHS kepada Orang Awam dan membetulkan pembentangan sekiranya tidak diisytiharkan sebelum ini.

#### **4.0 LAPORAN KEPADA KHIDMAT KESIHATAN AWAM AMERIKA SYARIKAT (PHS), INSTITUT KEBANGSAAN KESIHATAN AMERIKA SYARIKAT (U.S NIH)**

Pegawai Institusi perlu melaporkan konflik kepentingan kewangan atau sekiranya terdapat ketidakpatuhan kepada polisi atau peraturan U.S NIH kepada PHS. Sekiranya pembiayaan projek penyelidikan tersebut diberikan kepada penerima utama yang menerima projek PHS, laporan tersebut hendaklah dibuat kepada penerima utama sebelum perbelanjaan dilakukan dalam tempoh 60 hari dari mana-mana konflik kepentingan kewangan yang dikenal pasti supaya penerima utama boleh membuat laporan mereka kepada PHS.

#### **5.0 KETIDAKPATUHAN POLISI**

##### **a) Tindakan Tatatertib**

Sekiranya Penyelidik gagal mematuhi polisi ini, Pegawai Institusi boleh menggantung semua aktiviti yang berkaitan atau mengambil tindakan tatatertib lain sehingga perkara tersebut diselesaikan atau tindakan lain yang difikirkan sesuai oleh Pegawai Institusi dilaksanakan.

Keputusan Pegawai Institusi untuk mengenakan sekatan ke atas Penyelidik kerana kegagalan untuk mematuhi polisi ini, atau kegagalan untuk mematuhi keputusan Pegawai Institusi, perlu diterangkan dalam penjelasan bertulis mengenai keputusan itu kepada Penyelidik, dan, sekiranya berkenaan, Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN), dan perlu memberitahu individu tersebut tentang hak mereka yang boleh membuat rayuan terhadap keputusan tersebut. Institusi perlu segera memaklumkan Jawatankuasa Pemberian Anugerah PHS tentang tindakan yang diambil atau akan diambil. Sekiranya pembiayaan projek penyelidikan diberikan kepada penerima utama, pemberitahuan tersebut hendaklah dibuat dengan segera kepada penerima utama untuk menyediakan laporan kepada PHS.

##### **b) Tinjauan Retrospektif**

Sekiranya Pegawai Institusi menentukan bahawa konflik kepentingan kewangan tidak dapat dikenal pasti atau telah diuruskan tepat pada masanya, termasuk tetapi tidak terhad kepada kegagalan Penyelidik untuk mengisytiharkan Kepentingan Kewangan yang Signifikan yang telah dikenal pasti sebagai konflik kepentingan kewangan, atau kegagalan Penyelidik untuk mematuhi pelan pengurusan konflik kepentingan kewangan, jawatankuasa yang dilantik oleh Pegawai Institusi perlu melakukan tinjauan retrospektif terhadap aktiviti Penyelidik dan projek penyelidikan yang ditaja dalam tempoh 120 hari selepas ketidakpatuhan terhadap polisi ini dan peraturan universiti disahkan, untuk menentukan sama ada penyelidikan yang dijalankan dalam tempoh ketidakpatuhan tersebut adalah berat sebelah dalam reka bentuk, pengendalian atau pelaporan penyelidikan.

Dokumentasi tinjauan retrospektif hendaklah mengambil kira nombor projek, tajuk projek, Ketua Penyelidik, nama Penyelidik yang terlibat dengan konflik kepentingan kewangan, nama entiti yang mana Penyelidik mempunyai konflik kepentingan kewangan, sebab

tinjauan retrospektif dilakukan, maklumat terperinci metodologi yang digunakan untuk tinjauan retrospektif, penemuan serta kesimpulan tinjauan.

Dalam kes projek penyelidikan tajaan PHS, U.S NIH Pegawai Institusi perlu mengemas kini sebarang laporan yang diserahkan sebelum ini kepada PHS atau penerima utama PHS yang berkaitan dengan penyelidikan, dengan menyatakan tindakan yang akan diambil untuk mengurus konflik kepentingan kewangan pada masa hadapan. Tinjauan retrospektif ini perlu diselesaikan mengikut cara dan dalam tempoh masa yang ditetapkan oleh peraturan PHS, U.S NIH. Sekiranya didapati berat sebelah, institusi perlu segera memaklumkan Jawatankuasa Komponen Pemberian PHS dan menyerahkan laporan mitigasi mengikut peraturan PHS. Laporan mitigasi akan mengenal pasti unsur-unsur yang didokumenkan dalam tinjauan retrospektif, penerangan tentang kesan berat sebelah terhadap projek penyelidikan dan pelan tindakan untuk menghapuskan atau mengurangkan kesan berat sebelah.

## 6.0 LATIHAN

Setiap Penyelidik perlu melengkapkan latihan polisi ini, dimaklumkan tentang tanggungjawab mereka dengan perisytiharan kepentingan kewangan tersebut serta sedar dengan peraturan yang perlu dipatuhi sebelum menjalankan projek penyelidikan yang ditaja oleh U.S NIH, dan perlu dimaklumkan sekurang-kurangnya setiap empat tahun selepas itu. Penyelidik juga perlu menamatkan latihan dalam tempoh masa yang munasabah seperti yang ditentukan oleh Pegawai Institusi sekiranya polisi ini secara substantif dipinda dengan cara yang boleh mempengaruhi keperluan Penyelidik, atau sekiranya Penyelidik adalah baharu kepada institusi itu, atau jika ditentukan bahawa Penyelidik tidak mematuhi polisi ini atau dengan pelan pengurusan yang berkaitan dengan aktiviti penyelidikan mereka.

Semua Penyelidik berkaitan perlu melengkapkan latihan Konflik Kepentingan Kewangan (FCOD):

- a) Sebelum melibatkan diri dengan penyelidikan atau dengan mana-mana geran yang ditaja oleh PHS;
- b) Sekurang-kurangnya setiap empat (4) tahun;
- c) Secara segera, sekiranya
  - i. Institusi meminda polisi konflik kepentingan kewangan mereka yang menjejaskan keperluan Penyelidik
  - ii. Penyelidik adalah baharu kepada institusi
  - iii. Penyelidik tidak mematuhi polisi konflik kepentingan kewangan atau pelan pengurusan

## 7.0 PENGEKALAN REKOD

Pegawai Institusi perlu mengekalkan semua borang perisytiharan, pelan pengurusan konflik dan dokumen berkaitan dalam tempoh tiga (3) tahun dari tarikh laporan perbelanjaan akhir yang diserahkan kepada pembiaya atau penerima utama, melainkan terdapat sebarang litigasi, tuntutan, semakan pengurusan kewangan, atau audit yang bermula sebelum tempoh tamat tiga (3) tahun, rekod hendaklah disimpan sehingga semua litigasi, tuntutan atau penemuan audit yang melibatkan rekod telah diselesaikan dan tindakan akhir diambil.



## 8.0 KERAHSIAAN

Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang, semua borang perisytiharan, pelan pengurusan konflik dan maklumat berkaitan adalah sulit. Walau bagaimanapun, UM sekiranya diperlukan, perlu memberikan maklumat tersebut kepada pembiaya, kepada peminta maklumat mengenai konflik kepentingan kewangan yang berkaitan dengan pembiayaan masing-masing atau kepada entiti utama yang menyediakan pembiayaan kepada UM, jika diminta atau diperlukan. Sekiranya UM diminta untuk menyerahkan borang perisytiharan, pelan pengurusan konflik dan maklumat berkaitan kepada entiti luar, Penyelidik perlu dimaklumkan.

## 9.0 AKSESIBILITI ORANG AWAM

Sebelum perbelanjaan dana, UM dikehendaki memberi maklum balas kepada mana-mana orang awam dalam tempoh lima (5) hari bekerja dari tarikh permintaan, mengenai sebarang maklumat yang memenuhi kriteria berikut dalam Kepentingan Kewangan yang Signifikan:

- a) Kepentingan Kewangan yang Signifikan yang diisytiharkan dan masih dipegang oleh kakitangan kanan dan utama;
- b) Penentuan telah dibuat bahawa Kepentingan Kewangan yang Signifikan adalah berkaitan dengan penyelidikan yang ditaja; dan
- c) Penentuan telah dibuat bahawa Kepentingan Kewangan yang Signifikan adalah konflik kepentingan kewangan.

Maklumat yang UM sediakan perlu secara bertulis termasuk, sekurang-kurangnya, perkara berikut:

- a) Nama Penyelidik;
- b) Tajuk dan peranan Penyelidik berkenaan dengan projek penyelidikan;
- c) Nama entiti di mana Kepentingan Kewangan yang Signifikan dipegang;
- d) Sifat Kepentingan Kewangan yang Signifikan; dan
- e) Anggaran nilai matawang bagi Kepentingan Kewangan yang Signifikan (julat nilai matawang yang dibenarkan: \$0-\$4,999; \$5,000-\$9,999; \$10,000-\$19,999; jumlah antara \$20,000-\$100,000 dengan kenaikan \$20,000; jumlah melebihi \$100,000 dengan kenaikan \$50,000) atau penyata yang faedahnya tidak boleh ditentukan melalui rujukan kepada orang awam atau mana-mana ukuran munasabah bagi nilai pasaran.

## 10.0 PEMATUHAN POLISI

Polisi ini dilaksanakan mengikut keperluan peraturan PHS, U.S NIH berkenaan tanggungjawab pemohon untuk memastikan objektiviti projek penyelidikan yang ditaja oleh PHS, U.S NIH adalah seperti yang dikehendaki (*42 CFR 50 Subpart F*) dan

Universiti Malaya  
Konflik Kepentingan Kewangan bagi Projek Penyelidikan UM yang Ditaja oleh U.S NIH

Polisi

kontraktor adalah bertanggungjawab (*45 CFR 94*); sekiranya terdapat perbezaan substantif antara polisi ini dan keperluan peraturan, keperluan hendaklah diutamakan.

Tarikh Kuatkuasa: 1 April 2023